

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sarawak

Tarikh : 07/07/2026

Edisi / Muka Surat : Sarawak / 13

Tajuk : KUSKOP Salur Pembiayaan RM25.27 Bilion Kepada Lebih 847,000 Usahawan Sejak 2024

# KUSKOP salur pembiayaan RM25.27 bilion kepada lebih 847,000 usahawan sejak 2024

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensi di bawahnya meluluskan pembiayaan berjumlah RM25.27 bilion kepada 847,653 usahawan dan koperasi di seluruh negara bagi tempoh 2024 sehingga 31 Mei 2026.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Mohamad Alamin berkata suntikan dana tersebut bertujuan membantu usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta koperasi meningkatkan modal pusingan, mengembangkan kapasiti perniagaan, selain menaik taraf premis dan peralatan perniagaan mereka.

Beliau berkata keberkesanan skim pembiayaan berkenaan dinilai secara langsung menerusi prestasi pembayaran balik usahawan yang mencerminkan keupayaan mereka menjana pendapatan secara konsisten serta mengurus aliran tunai dengan berkesan.

"Ini menunjukkan bahawa pembiayaan yang disalurkan

bukan sahaja membantu memenuhi keperluan modal perniagaan, malah turut menyumbang kepada daya tahan dan kelestarian perniagaan usahawan dalam jangka panjang," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Rodiyah Sapiee (GPS-Batang Sadong) yang ingin tahu mengenai keberkesanan skim pembiayaan di bawah agensi KUSKOP dalam membantu PMKS berkembang serta jumlah usahawan yang berjaya meningkatkan hasil perniagaan sejak 2024.

Mohamad berkata KUSKOP tidak menetapkan purata pembiayaan tidak berbayar (NPF) secara keseluruhan bagi semua agensi, sebaliknya diukur secara berasingan, dan menambah terdapat agensi yang menetapkan sasaran purata NPF di bawah 10 peratus.

"Sehingga Mei 2026, Tekun Nasional merekodkan kadar purata NPF sebanyak 9.69 peratus, manakala SME Bank dan Bank Rakyat mas-

ing-masing mencatatkan 10.49 peratus dan 1.93 peratus. Kadar NPF bagi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pula berada pada tahap sangat cemerlang iaitu 0.01 peratus," katanya.

Beliau berkata inisiatif pembiayaan alternatif secara peer-to-peer (P2P) yang ditawarkan SME Corp turut menunjukkan keberkesanan tinggi negara dalam menyediakan akses modal yang pantas, fleksibel dan tanpa cagaran minimum melalui platform digital.

Menurut Mohamad, bagi tempoh Januari sehingga Mei 2026, pembiayaan alternatif berkenaan telah diluluskan kepada 39 PMKS mencecah nilai RM18.5 juta, dengan tempoh kelulusan dipercepat kepada tujuh hari atau kurang, berbanding 21 hari sebelum ini.

"Berdasarkan Tinjauan PMKS 2025 oleh SME Corp, tujuan utama pembiayaan alternatif ini adalah untuk membiayai modal kerja iaitu sebanyak 74.2 peratus, pembelian aset (39.1 peratus) dan mengembangkan atau

membuka cawangan baharu (28.9 peratus)," katanya.

Menjawab soalan tambahan Rodiyah mengenai langkah susulan bagi memastikan usahawan luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak mampu bersaing, beliau berkata KUSKOP telah mengambil pendekatan menyeluruh termasuk melalui seminar asas keusahawanan, bimbingan pendigitalan, pemprosesan sijil Halal, serta jalinan kerjasama strategik bersama TikTok Shop Malaysia bagi melonjakkan jualan usahawan.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat) mengenai sokongan terhadap usahawan masyarakat Orang Asli terutamanya dalam industri pelancongan dan kraf tangan seperti suku Mah Meri di Pulau Carey, Selangor, beliau berkata KUSKOP sedia memperkasa pembangunan bakat dan keusahawanan komuniti tersebut agar produk mereka dapat dikomersialkan dengan lebih agresif. — Bernama

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA